







## KAEDAH BAYARAN BALIK PINJAMAN PTPTN

<b>1</b> 	<b>POSKAN BANK DERAJ/KIRIMAN WANG</b> Bayaran melalui bank deraf/kiriman wang hendaklah berpaling dan dibayar atas nama 'PERBADANAN TABUNG PENDIDIKAN TINGGI NASIONAL'. Sila poskan bayaran anda menggunakan sampul surat. Alamatkan surat anda kepada:  <b>Ketua Eksekutif Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional Lot G2, Tingkat Bawah, Wisma Chase Perdana Off Jalan Semantan, Damansara Heights 50490 Kuala Lumpur (u.p: Unit terimaan)</b>  Peringatan: Jangan kirimkan wang tunai. <b>Pastikan No. Kad Pengenalan dan nama penuh anda di tulis di belakang bank deraf/kiriman wang.</b>
<b>2</b> 	<b>BAYARAN SECARA ON-LINE</b> 1. <a href="http://www.maybank2u.com">www.maybank2u.com</a> 2. <a href="http://www.cimbclicks.com.my">www.cimbclicks.com.my</a> 3. <a href="http://www.bankislam.biz">www.bankislam.biz</a> 4. <a href="http://www.rhb.com.my">www.rhb.com.my</a> 5. <a href="http://www.pbebank.com">www.pbebank.com</a> 6. <a href="http://www.ambankgroup.com">www.ambankgroup.com</a> 7. <a href="http://www.posonline.com.my">www.posonline.com.my</a> (Bank : Hong Leong Bank, Bank Rakyat, CIMB Bank) 8. <a href="http://epay.ptptn.gov.my">epay.ptptn.gov.my</a> (Kemudahan FPX, Bank : Hong Leong Bank, Public Bank, Bank Islam, CIMB Bank, Maybank)
<b>3</b> 	<b>BAYARAN MELALUI KAUNTER</b> 1. One Stop Center PTPTN di Unit 1 & 2A, 2B, Level 2, Stesen Sentral Kuala Lumpur. 2. Semua cawangan Bank Islam 3. Semua cawangan CIMB Bank 4. Semua cawangan Bank Simpanan Nasional 5. Semua cawangan POS Malaysia Berhad
<b>4</b> 	<b>BAYARAN MELALUI POTONGAN GAJI</b> Sila maklumkan nama dan alamat majikan anda kepada PTPTN. Proses potongan gaji akan diuruskan melalui Lembaga Hasil Dalam Negeri (LHDN).

Bayaran melalui web [epay.ptptn.gov.my](http://epay.ptptn.gov.my) (FPX) akan dikemaskini secara terus di Penyata Kira-kira, manakala bayaran melalui saluran lain, kemaskini akan dibuat sekurang-kurangnya tiga hari bekerja.

### **MAKLUMAN (Bagi Pembayaran di Kaunter Bank & Pejabat Pos)**

1. No. Akaun Penerima : **No. KP Peminjam**
2. Nama Penerima : **PTPTN-PINJAMAN** (No. Akaun PTPTN tidak diperlukan)
3. No. Bil/Kontrak/Rujukan : **No. Rujukan Surat Tawaran/No. Pinjaman/No. Telefon Anda**  
(isikan salah satu)

### **SEMAKAN PENYATA KIRA-KIRA (layari website [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my))**

1. Kata Laluan : **No. KP Peminjam**
2. No. Pin/Password : **No. Pinjaman Peminjam (Sila rujuk No. Pinjaman pada Penyata Kira-Kira)**

Untuk mendapatkan Nombor Pin anda, perkhidmatan melalui sms :

**PTPTN NOPIN<JARAK>NOKP**

Contoh : PTPTN NOPIN 820504159636

dan hantar ke **33199** . Caj 50 sen akan dikenakan bagi setiap sms.

Setiap pembayaran yang dilakukan melalui kaunter bank atau secara *online* akan dikenakan caj perkhidmatan oleh pihak bank. Sila **simpan slip pembayaran** atau cetak resit bayaran untuk simpanan anda.

Resit rasmi PTPTN hanya akan dikeluarkan sekiranya pembayaran dibuat terus kepada PTPTN.

### **PENGELUARAN AKAUN (II) KWSP untuk membayar balik pinjaman**

Peminjam PTPTN boleh membuat **pengeluaran KWSP (Akaun II)** untuk menjelaskan Bayaran Balik Pinjaman. Bagi pengeluaran oleh Ahli (peringkat Ijazah dan Diploma), perjanjian pinjaman adalah bertarikh **2 Januari 2001 ke atas** manakala pengeluaran oleh Ibu/Bapa peminjam, bagi Ijazah, perjanjian pinjaman adalah April 2000 ke atas dan diploma, perjanjian pinjaman adalah 17 Januari 2006 ke atas. Kaedah permohonan pengeluaran KWSP, sila rujuk laman web [www.ptptn.gov.my](http://www.ptptn.gov.my)

### **PERINGATAN**

PTPTN telah menguatkuasakan undang-undang di bawah seksyen 22A, Akta Perbadanan Tabung Pendidikan Tinggi Nasional 1997 [Akta 566] bagi menghalang peminjam ingkar daripada **keluar Negara**. Sila buat bayaran mengikut jadual bagi mengelak tindakan ini dikenakan terhadap anda.